




PARLIMEN MALAYSIA



**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008**

**JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN**

HARI RABU: 19 NOVEMBER 2008

**CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

Sidek/jwp.08

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 32)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN
(TANJONG MANIS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2008

Puan Norah Binti Abd Rahman (Tanjong Manis) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula cukai jalan bagi kereta-kereta yang berusia lebih 15 atau 20 tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cukai jalan sebanyak 10% dan 20% daripada kadar cukai jalan kereta biasa masing-masing dibenarkan ke atas kereta *vintage* dan klasik. Kereta *vintage* adalah kereta yang telah didaftarkan sebelum tahun 1941 manakala kereta klasik merupakan kereta yang telah berumur melebihi 25 tahun. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula cukai jalan bagi kereta yang berusia lebih 15 atau 20 tahun.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008

Tuan Mohd Yusmadi Bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan sama ada terdapat kajian yang telah dijalankan tentang sama ada program-program keusahawanan dan insentif-insentifnya yang diberikan selama ini berkesan ataupun tidak dan sekiranya ada, apakah kejayaan yang telah dicapai dan langkah-langkah mengatasi program sedia ada.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) sentiasa menjalankan kajian keberkesanan terhadap program-program dan insentif-insentif yang diberikan meliputi pembudayaan dan latihan keusahawanan; khidmat nasihat dan bimbingan; penyediaan peluang-peluang perniagaan; promosi dan pemasaran; pembiayaan; dan premis perniagaan. Usaha ini dilaksanakan untuk memastikan penambahbaikan terhadap program-program ini dapat dilaksanakan secara berterusan seterusnya dapat memenuhi kehendak dan aspirasi pembangunan usahawan dan koperasi yang telah ditetapkan.

Hasil daripada kajian-kajian tersebut, MECD telah berjaya mencapai sasaran (KPI) yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), sehingga Jun 2008 adalah seperti berikut:

	<u>KPI</u>	<u>Pencapaian</u>
(i) Pembudayaan dan Latihan	1.5 juta	720,377 (48%)
(ii) Usahawan Baru	150 ribu	73,334 (49%)
(iii) Pemantapan Enterprise Sedia ada	25 ribu	13,665 (55%)
(iv) Koperasi Baru	800	445 (56%)
(v) Pemantapan Koperasi Sedia ada	600	300 (50%)

Tuan yang Dipertua,

Sungguhpun begitu, pembangunan usahawan Bumiputera masih lagi lemah dan tidak dapat menguasai rantai nilai perniagaan dan mencapai sasaran 30 peratus pemilikan ekulti. Sehubungan dengan itu, Kementerian sentiasa mengambil pelbagai langkah untuk memastikan program-program yang dilaksanakannya mampu melahirkan usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju di antaranya :-

- i. memantapkan program pembangunan modal insan menerusi pembudayaan dan latihan keusahawanan;
- ii. menyediakan peluang-peluang perniagaan menerusi pendekatan-pendekatan strategik seperti peruncitan; usahawan pemasaran; kontrak peladangan; kontrak pembuatan; *groom big*; vendor; francals; koperasi; usahasama tulen; wakaf; dan rantai nilai;

- iii. memantapkan keupayaan institusi pembiayaan di bawah MECD dan meningkatkan lagi sistem penyampaian dalam memberi pinjaman kepada usahawan;
- iv. memantapkan sistem penyampaian dan pemantauan di peringkat daerah melalui Majlis Pembangunan Usahawan Daerah (MPUD) bagi memastikan pelaksanaan program-program pembangunan usahawan dan koperasi dapat dinikmati di peringkat akar umbi
- v. meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan secara bekerjasama dengan agensi-agensi teknikal seperti SIRIM, MARDI dan FRIM;
- vi. memperkasakan barangan-barangan usahawan memasuki gedung perniagaan besar seperti *hypermarket* dan lain-lain pasaraya;
- vii. mengadakan lebih banyak program promosi dan pemasaran di dalam dan di luar negara;
- viii. mewujudkan agen-agen pemasar di luar negara bagi membolehkan produk usahawan tempatan menembusi pasaran global, setakat ini 5 (lima) *trading houses* telah diwujudkan iaitu di Dublin, London, Shanghai, Dubai dan Norway;

- ix. menggalakkan jaringan di kalangan usahawan dan koperasi untuk membentuk satu pakatan strategik bagi menembusi pasaran yang lebih luas; dan
- x. penyusunan semula Progran Usahasama Tulen bagi meningkatkan kerjasama perniagaan diantara usahawan Bumiputera dan bukan Bumiputera.

Disediakan oleh : KPPK (RN)1 / PP (RN) 3
Sabarudin Bin Salleh / Siti Zulaikha Mohd Zobir
019-266 3890 / 019-264 8387

Disemak Oleh : PENGARAH (RN)
Hj. Zakaria Bin Jaafar
016-383 6495

Dipersetujui Oleh : TKSU (U)

Diluluskan Oleh : KSU

 17/11/11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2008

SOALAN : 13

Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyusun semula sistem perkhidmatan awam yang memberi peluang sama rata kepada semua skim perkhidmatan untuk kenaikan pangkat dan menjawat jawatan yang tertinggi, tidak terhad kepada PTD sahaja.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menyusun semula sistem Perkhidmatan Awam buat masa ini. Mengikut sistem sekarang, terdapat pelbagai skim perkhidmatan yang berbeza telah diwujudkan dalam Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada peranan, tugas dan profesion yang khusus untuk perkhidmatan berkenaan. Setiap skim perkhidmatan juga memperuntukkan laluan kerjaya melalui peluang kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi sebagai dorongan dan motivasi untuk pegawai-pegawai terus memberikan perkhidmatan yang terbaik.

SULIT

Sehubungan itu, semua skim perjawatan menyediakan peluang kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawainya untuk memegang jawatan tertinggi mengikut skim perkhidmatan masing-masing. Sebagai contoh jawatan Ketua Pengarah Kesihatan, Ketua Pengarah Kerja Raya, Ketua Pengarah Pelajaran, Ketua Pengarah Kastam, Ketua Polis Negara, Akauntan Negara dan lain-lain disandang oleh pegawai daripada skim perkhidmatan berkenaan dan bukannya PTD.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]

BERTARIKH : 19 NOV 2008

SOALAN :

DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH PROJEK MENAIK TARAFKAN JALAN BUKIT KEMUNING DAN BULATAN JALAN KEBUN AKAN DIMULAKAN DAN DIJANGKA SELESAI DAN APAKAH MASALAH YANG DIHADAPI KERAJAAN MENYEBABKAN KELEWATAN PROJEK INI

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PROJEK MENAIKTARAF JALAN BUKIT KEMUNING PADA ASALNYA DILULUSKAN DI BAWAH RMK9 TETAPI TELAH DITANGGUHKAN PELAKSANAANNYA OLEH PIHAK KERAJAAN DISEBABKAN SYILING PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN TIDAK MENCIKUPI UNTUK MENAMPUNG ANGGARAN KOS PEMBINAAN YANG LEBIH TINGGI. WALAU BAGAIMANAPUN, DARI SEGI TEKNIKAL, PROSES REKABENTUK BAGI PROJEK TERSEBUT TELAH HAMPIR SELESAI.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KEMENTERIAN INI AKAN MELETAKKAN CADANGAN PROJEK INI DALAM SENARAI KEUTAMAAN UNTUK DILAKSANAKAN DIDALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' PADUKA ABU BAKAR BIN TAIB [LANGKAWI]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2008

SOALAN :

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) Selepas Langkawi diisytiharkan sebagai Langkawi Geopark oleh UNESCO, apakah langkah-langkah tertentu yang diambil oleh Kerajaan untuk menyemarakkannya di persada antarabangsa.
- (b) apakah tindakan Kerajaan untuk menjaga flora, fauna, geologi dan hidupan laut (batu karang) agar ianya terus terpelihara.

JAWAPAN:

Tuan yang DiPertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan Langkawi Geopark adalah terletak di bawah bidangkuasa Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA – Langkawi Development Authority). Justeru, pihak LADA adalah bertanggungjawab bagi mempromosi Langkawi Geopark. Pihak Kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) membantu dari segi khidmat nasihat teknikal dalam mengenalpasti tapak-tapak yang berpotensi untuk dijadikan geopark di seluruh Malaysia.

LADA telah menjalankan beberapa aktiviti dalam usaha memperkenalkan Langkawi Geopark. Aktiviti yang dijalankan termasuklah memberi taklimat dan penerangan, seminar dan persidangan, kempen promosi Langkawi Geopark, ekspedisi dan pameran termasuk ekspedisi antarabangsa. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan ini merupakan langkah untuk memperkenalkan dan mempromosikan Langkawi Geopark di persada kebangsaan dan antarabangsa.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lima (5) Jabatan di bawah Kementerian ini yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga flora dan fauna termasuk terumbu karang dan warisan geologi negara. Jabatan-jabatan ini ialah Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan Semananjung Malaysia (JPSM), Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan

Institut Penyelidikan Pehutanan Malaysia (FRIM). Jabatan-jabatan ini mempunyai dasar, undang-undang dan peraturan masing-masing untuk melaksanakan strategi-strategi dan pelan tindakan bagi memulihara biodiversiti negara dan memastikan komponennya digunakan secara lestari. Malaysia juga telah meratifikasikan pelbagai konvensyen antarabangsa sebagai komitmen dan obligasi untuk melindungi dan memulihara biodiversiti negara.

Sekian, terima kasih.

NO-16

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2008

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan kes penyiasatan pengeluaran cukai semenjak tahun 2004 dan berapakah jumlah konsesi cukai yang telah diberikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan kes penyiasatan pengeluaran cukai yang berjaya diselesaikan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sejak tahun 2004 hingga 2007 adalah sebanyak 3,628 buah kes yang melibatkan jumlah cukai sebanyak RM2.97 bilion. Manakala jumlah konsesi cukai yang telah diberikan oleh LHDN sepanjang tempoh tersebut adalah sebanyak RM357 juta. Konsesi ini merupakan cukai atau penalti yang telah dikurangkan berasaskan rayuan.

2. Bilangan kes yang dikendalikan Kastam Diraja Malaysia (KDRM) sejak tahun 2004 hingga 2007 pula adalah sebanyak 17,222 buah kes dengan nilai rampasan sebanyak RM645 juta. Kes-kes pengelakan cukai yang telah disiasat dan dirampas sepanjang tempoh yang sama oleh KDRM melibatkan cukai yang tidak dapat dikutip Kerajaan sebanyak RM625 juta. Daripada jumlah tersebut, tiada konsesi cukai telah diberikan kerana sesetengah jenis barangan yang dirampas seperti rokok, minuman keras, beras, mercun dan bunga api dilupuskan. Bagi kes yang melibatkan barangan rampasan lain seperti kenderaan, tekstil, barangan elektrik dan alat telekomunikasi, ia akan dilucut hak kepada Kerajaan atau dikembalikan kepada tuan punya apabila kes-kes berkenaan telah selesai dibicarakan.

Disediakan oleh : Nor Azlina bt. Yusof – PC(AK)I
[sambungan 4154/017-3706530]

Disemak oleh : Yap Soo Har – TSBC(K)II
[sambungan 3349/019-3852457]

Diluluskan oleh : Datuk Aziyah bt. Bahauddin – SBC
[sambungan 3330/019-2635252]

NW: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : NO. 17

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mengapa institusi pengajian tinggi awam khususnya Universiti Teknologi MARA (UiTM) tidak mengajar ketatanegaraan di kalangan pelajar-pelajar untuk meningkatkan kesetiaan kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus tatanegara telah diserap dan dikembangkan di dalam Modul Hubungan Etnik. Modul ini memberi penekanan kepada konsep asas budaya dan hubungan kepelbagaian etnik di Malaysia, pewujudan masyarakat Malaysia menurut acuan sendiri dan hubungan antara wilayah ASEAN serta hubungan etnik menurut perspektif Islam.

SOALAN NO: 18

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM
[BUKIT GANTANG]
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1334

SOALAN :

Tuan Roslan Bin Shaharum [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis berbanding dengan nisbah kepadatan penduduk di negara ini. Sejauh manakah jumlah ini relevan berbanding dengan kadar peningkatan jenayah yang mendadak naik.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, nisbah anggota polis berbanding penduduk di negara ini ialah 1 : 277 berdasarkan jumlah penduduk seramai 27.590 Juta ke 99,424 anggota PDRM pada 31 Oktober 2008. Nisbah ini hanya sedikit sahaja berbeza berbanding jumlah yang ditetapkan oleh Interpol, iaitu 1 : 250 dan Kementerian berharap dapat mencapai standard yang ditetapkan oleh Interpol. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan telah pun meluluskan pertambahan sebanyak 60,000 anggota untuk menjadikan jumlah keseluruhan anggota polis ke 150,000 menjelang tahun 2011.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, beberapa langkah telah diambil bagi memantapkan dan memperkasakan pihak polis dalam usaha pencegahan jenayah. Antaranya ialah seperti mempertingkatkan kehadiran (*omnipresence*) pihak polis di tempat-tempat yang strategik bagi menjaga keamanan setempat seperti di kawasan-kawasan yang kerap berlaku jenayah (*crime prone area*), tempat-tempat tumpuan orang ramai seperti

pusat membeli belah, kawasan perniagaan dan hiburan serta tempat-tempat yang sibuk seperti stesen bas, LRT dan sebagainya.

Selain itu, bagi menampung kehadiran (*omnipresence*) pihak polis secara konsisten, Pondok Polis atau Balai Polis Komuniti telah diwujudkan di kawasan-kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Kawasan pengawasan (*surveillance area*) juga perlu diperkecilkan agar kehadiran serta tumpuan pihak polis di kawasan yang mempunyai jumlah penduduk yang padat dapat dipertingkatkan.

Bagi mempertingkatkan pengumpulan data, maklumat dan risikan keselamatan, konsep sedia ada seperti Rakan Cop perlu diperluaskan. Konsep ini bertujuan memberi satu ruang kepada orang ramai untuk membantu pihak polis dengan menyalurkan maklumat mengenai aktiviti jenayah dengan cepat dan tepat dengan menggunakan kemudahan teknologi masa kini. Sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) dan sistem atas talian (*online*) dimanfaatkan sebaik mungkin bagi tujuan tersebut.

Pihak polis turut menggunakan pendekatan bersepadu dari sudut dalaman dan luaran dalam usaha untuk mencegah dan mengesan jenayah di antara semua komponen PDRM. Sebagai contoh, Polis Trafik bukan sahaja menjalankan tugas mengawal lalu lintas tetapi turut menjalankan tugas mengesan dan menangkap penjenayah. Di samping itu, usaha untuk mengadakan kawalan dan rondaan bersepadu di antara agensi penguatkuasaan lain seperti

Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengangkutan Jalan, Imigresen dan Kastam turut dilaksanakan.

Pihak polis turut mengadakan "Standard Operating Procedures" atau protokol yang seragam bagi mengintegrasikan semua CCTV yang digunapakai oleh Polis, PBT, kompleks perniagaan dan lain-lain.

Selain itu, konsep 'Broken Windows' turut di laksanakan di seluruh negara di mana orang ramai dimaklumkan supaya bertanggungjawab terhadap keselamatan rumah dan kawasan masing-masing. Orang ramai perlu membantu pihak polis secara sukarela supaya amalan sedemikian akan menjadi benteng daripada berlakunya jenayah.

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2008

SOALAN: 19

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) bilangan pelajar dari Sabah yang mendapat biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengikuti pengajian tinggi di Malaysia dan di seberang laut sejak tahun 1998 sehingga sekarang; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengkaji semula proses pemilihan biasiswa JPA untuk menentukan mengapa sebilangan pelajar yang memperolehi pencapaian tinggi dari Sabah telah gagal menerima biasiswa walaupun mereka berasal dari keluarga yang sangat miskin.

NO. SOALAN:**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Seramai 1,027 pelajar dari Sabah telah mendapat biasiswa tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pengajian dalam negara dari tahun 2000 hingga 2007. Daripada jumlah ini, 969 orang mendapat tajaan dalam negara, manakala 58 orang lagi ditaja di luar negara. Pecahan terperinci pelajar Sabah yang menerima penajaan JPA bagi pengajian dalam dan luar negara adalah seperti berikut:

Pengajian	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	Jumlah
Luar Negara	4	6	3	5	6	8	5	21	58
Dalam Negara	101	181	222	99	54	72	53	187	969
JUMLAH	105	187	225	104	60	80	58	208	1,027

Proses pemilihan biasiswa JPA dikaji secara berterusan di mana bersesuaian, untuk menentukan pemilihan pelajar-pelajar yang mendapat tajaan adalah adil dan saksama mengikut kriteria-kriteria yang ditetapkan.

NO: 20
SJ.B/(101)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2008 SOALAN NO: 20

Tuan Lim Guan Eng (Bagan) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah cukai durian runtuh (*windfall tax*) yang akan dikutip dari IPP dan pengeluar kelapa sawit memandangkan penurunan harga kelapa sawit dan keengganan IPP membuat bayaran atas alasan akan menjejaskan pasaran modal kewangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan levi keuntungan luar biasa ke atas penjana tenaga bebas (IPP) bagi bulan Julai dan Ogos 2008 adalah sebanyak RM94.83 juta manakala jumlah kutipan levi keuntungan luar biasa ke atas minyak sawit mentah bagi tempoh mulai Julai hingga Oktober 2008 adalah sebanyak RM339.71 juta.

2. Kerajaan pada 10 September 2008 telah memutuskan supaya IPP tidak lagi dikenakan levi keuntungan luar biasa dan digantikan dengan bayaran *one-off*, yang bersamaan dengan jumlah kutipan levi bagi tempoh satu tahun dianggarkan sebanyak RM500 juta. Dengan itu, isu keengganan IPP membuat bayaran atas alasan akan menjejaskan pasaran modal kewangan kini tidak lagi berbangkit.

3. Berhubung dengan jangkaan kutipan levi keuntungan luar biasa bagi minyak sawit mentah, adalah diperhatikan bahawa ianya sukar ditentukan. Ini adalah memandangkan harga minyak sawit mentah kini semakin berkurangan sehingga ke paras di bawah *threshold* yang ditetapkan iaitu RM2,000 se tan metrik.

NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : NO. 21

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan kadar wanita Malaysia yang tamat pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2007, seramai 96,607 pelajar wanita telah berjaya menamatkan pengajian di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan juga Swasta (IPTS) bagi semua peringkat pengajian (Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran). Jumlah ini merupakan 57.2% daripada jumlah keseluruhan pelajar yang telah menamatkan pengajian iaitu dengan kadar nisbah 1:1.31 pelajar lelaki kepada pelajar wanita.

Kementerian Pengajian Tinggi tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai jumlah sebenar pelajar-pelajar di luar negara. Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik bilangan pelajar luar negara yang telah mendaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi, dianggarkan seramai 47.6 % pelajar yang berjaya menamatkan pengajian adalah pelajar wanita, menjadikan nisbah pelajar lelaki kepada wanita adalah 1:0.9.

SOALAN NO: 22

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Nga Kor Ming [Taiping]

TARIKH : 19 November 2008

**SOALAN : Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-**

Apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan negara Malaysia mempunyai bekalan beras dan makanan lain yang mencukupi memenuhi keperluan pasaran tempatan supaya negara tidak perlu mengimport beras dan makanan sebanyak RM13.5 bilion setiap tahun dari luar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk memastikan bekalan makanan asas negara seperti beras, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan hasil ternakan mencukupi, selamat dimakan, berkualiti serta berupaya diperolehi oleh rakyat pada harga yang berpatutan.

Secara keseluruhannya, keadaan bekalan makanan negara pada masa kini, termasuk bekalan yang diimport masih mampu menampung permintaan rakyat. Namun peningkatan harga makanan di pasaran dunia akibat beberapa faktor seperti kenaikan harga minyak dan input pertanian seperti baji dan racun, perubahan cuaca dan iklim, bencana alam dan penggunaan bahan makanan untuk penghasilan biofuel terutamanya di Amerika Syarikat memerlukan Kerajaan mengambil langkah segera dalam menjamin bekalan negara sentiasa mencukupi.

Dasar Jaminan Makanan yang telah diluluskan oleh Kabinet pada 23 April 2008 adalah satu langkah yang diambil oleh Kerajaan

untuk memastikan negara yang mempunyai bekalan beras dan makanan utama lain yang mencukupi. Di bawah dasar ini, tujuh (7) langkah telah dilaksanakan dengan serta merta bagi jangka masa sederhana dan jangka masa panjang yang melibatkan pelaksanaan sehingga tahun 2010. Tujuh (7) langkah tersebut ialah:-

- i. Program peningkatan Pengeluaran Beras;
- ii. Pewujudan Stok Penimbal Beras;
- iii. Program Peningkatan Pengeluaran dan Produktiviti bagi sektor tanaman, ternakan dan perikanan;
- iv. Pemberian Insentif Pengeluaran kepada Pengusaha-Pengusaha Pertanian;
- v. Mengukuhkan Pasaran dan Pengagihan Hasil Pusat Pertanian;
- vi. Pelaksanaan Program Bumi Hijau; dan
- vii. Pengurusan Tanah Kawasan Tanah Terbiar

Melalui Dasar Jaminan Makanan ini dan dasar-dasar sedia ada di bawah DPN3, Kerajaan yakin program pengeluaran bahan makanan akan dapat menampung permintaan makanan mengikut keperluan rakyat di negara ini dan seterusnya mampu mengurangkan kebergantungan kepada bahan makanan yang diimport.

NO: 23

SJ.B/(156)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN (KENINGAU)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 19.11.2008 SOALAN NO: 23

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan samada Kerajaan mempertimbangkan perbelanjaan yang kini digunakan oleh pasukan keselamatan yang berkhidmat dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) sebagai *Peace Keeping Cops* juga dapat digunakan untuk memperketatkan kawalan di sempadan negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlibat sebagai *Peace Keeping Cops* di bawah Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Republik Timor Leste dan Sudan. Perbelanjaan pasukan keselamatan yang berkhidmat dengan PBB dibiayai melalui peruntukan pertubuhan tersebut dan tidak boleh digunakan bagi tujuan lain. Negara yang menyertai misi PBB juga dikehendaki menggunakan peruntukan masing-masing terlebih dahulu sebelum PBB membuat pembayaran balik.

2. Bayaran balik yang diterima daripada PBB akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil Disatukan seperti mana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan dan boleh diagihkan semula untuk pelbagai perbelanjaan termasuk mengetatkan kawalan sempadan di negeri Sabah.

3. Kerajaan pada setiap tahun telah menyediakan peruntukan untuk kawalan sempadan di seluruh negara. Bagi tahun 2008, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM762 juta kepada agensi-agensi yang terlibat dengan kawalan sempadan di seluruh negara seperti PDRM, Angkatan Tentera Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan sebagainya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM107.6 juta atau 14% diperuntukkan bagi kawalan sempadan di negeri Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : NO.24

**Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) sama ada Kerajaan akan mengenakan faedah ke atas pinjaman PTPTN yang tidak dibayar dalam tempoh pengecualian bayaran balik bagi peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM1500; dan
- (b) adakah Kerajaan menerima paras pendapatan RM1500 sebagai paras kemiskinan yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan polisi semasa, peminjam PTPTN hendaklah memulakan bayaran balik pinjaman, selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian dan kos pentadbiran akan mula dikira pada tarikh tersebut. Bagi pelajar yang membuat penyelesaian penuh pinjaman dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian, mereka tidak akan dikenakan sebarang kos pentadbiran.

Penangguhan bayaran balik pinjaman boleh dipertimbangkan bagi peminjam yang masih meneruskan pengajian atau belum bekerja dengan mengemukakan permohonan rasmi ke PTPTN. Walau bagaimanapun, kos pentadbiran tetap dikenakan sepanjang tempoh penangguhan.

b) Konsep bayaran balik mengikut tahap pendapatan peminjam kini masih dalam peringkat kajian dan tahap pendapatan yang munasabah serta mekanisma yang bersesuaian bagi membantu mengurangkan beban peminjam akan diperhalusi sebelum ia dilaksanakan. Kerajaan akan sentiasa membuat penilaian dari masa kesemasa bagi memastikan peminjam PTPTN tidak akan dibebani dengan masalah kewangan.

SULIT

NO SOALAN : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK BILLY ABIT JOO
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2008
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sama ada Kementerian bercadang mengeluarkan (*produce*) senjata sendiri di Malaysia. Jika ya, apakah senjata yang dicadangkan dibuat di Malaysia dan jika tidak, mengapa.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak bercadang mengeluarkan senjata sendiri. Bagaimanapun, pengeluaran senjata oleh negara dipertanggungjawabkan kepada pihak swasta untuk membangunkan industri pertahanan negara dengan diselaras, dipantau dan dikawal selia oleh Bahagian Industri Pertahanan, Kementerian Pertahanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI
KAMARUDDIN [AMPANG]
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008
SOALAN :**

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah statistik terkini wanita yang dijangkiti *HIV* dan apakah langkah drastik Kementerian untuk menangani gejala yang makin meningkat di kalangan wanita ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kes pertama jangkitan *HIV* di kalangan wanita di negara ini mula dikesan pada tahun 1988. Pada tahun 2000, sejumlah 481 kes atau 9.5 peratus kes *HIV* yang dilaporkan adalah di kalangan wanita. *Trend* ini meningkat kepada 737 kes (12.1%) pada tahun 2005 dan 745 kes (16.4%) pada tahun 2007. Didapati bahawa majoriti kes *HIV* di kalangan wanita yang mendapat jangkitan adalah melalui hubungan seksual berbanding dengan lelaki yang mendapat

jangkitan melalui pengambilan dadah secara berkongsi jarum suntikan (*IDU*).

Kerajaan memandang serius berhubung perkembangan ini dan langkah yang diambil oleh Kementerian Kesihatan adalah dengan membentuk Pelan Strategik *HIV* dan *AIDS* Tahun 2006 hingga 2010. Pelan Strategik ini menggariskan enam strategi bagi menangani gejala *HIV*. Salah satu daripada strategi tersebut adalah mengurangkan *vulnerability* jangkitan *HIV* di kalangan wanita, golongan muda dan kanak-kanak. Untuk melaksanakannya, pelbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan turut sama dilibatkan di dalam strategi ini.

No: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PN. SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOF
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008
SOALAN : NO.27

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah syarat yang dikenakan bagi kemasukan pelajar yang mengikuti bidang perubatan di negara Mesir dan apakah Kerajaan memantau agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan pelajar di luar negara benar-benar menepati dasar kemasukan yang telah ditetapkan oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua jenis program perubatan di Mesir iaitu program Government to Government (G to G) dan program MOU. Syarat kelayakan masuk melalui program G to G yang telah dipersetujui sejak tahun 1977 adalah dengan mendapat sekurang-kurangnya 92.5% dalam 8 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Tambahan, Biology, Fizik, Kimia dan Sejarah di peringkat peperiksaan SPM. Manakala melalui program MOU yang telah dipersetujui pada tahun 2006 pula

adalah dengan mendapat sekurang-kurangnya gred B3 dalam 8 mata pelajaran.

Sehingga 30 Jun 2008, terdapat sebanyak 75 agen penempatan pelajar luar negara yang berdaftar secara pentadbiran dengan Kementerian. Kesemuanya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian. Kementerian dari semasa ke semasa mengadakan pertemuan secara berkala bagi menasihatkan dan memastikan mereka menjalankan urus niaga secara profesional dan mengelak dari penipuan. Walau bagaimanapun terdapat segelintir agen penempatan pelajar yang tidak mendaftar kerana sehingga kini belum ada akta yang mewajibkan mereka berbuat demikian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO

TARIKH : 19 NOVEMBER 2008 (RABU)

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago (Klang) minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian Kerajaan terhadap taraf SUHAKAM yang akan diturunkan dari "A" ke "B" jika tiada pembaharuan dilakukan dalam masa setahun dan apakah implikasi jika Malaysia hilang keahlian Asia-Pasifik Forum dan hilang kelayakan untuk menyertai UN Human Rights Council.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, *International Coordinating Committee of National Institutions for the Promotion and Protection of Human Rights* (ICC) mengesyorkan agar status SUHAKAM diturunkan berdasarkan sebab-sebab berikut :

- a) Peruntukan mengenai proses pelantikan dan pemecatan anggota-anggota Suruhanjaya sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] adalah tidak jelas dan telus;
- b) Keperluan pengetahuan atau pengalaman berhubung hak asasi manusia tidak diletakkan sebagai antara kriteria bagi pelantikan seseorang anggota Suruhanjaya;
- c) Tiada peruntukan dalam Akta 597 berhubung penyertaan organisasi awam dan pihak lain dalam proses pelantikan dan pencalonan anggota-anggota Suruhanjaya;

- d) Tiada jaminan diberikan dalam memegang jawatan sebagai anggota Suruhanjaya berikutan kepada tempoh terhad dua tahun yang telah ditetapkan. Tambahan pula, Perdana Menteri mempunyai kuasa budi bicara penuh dalam pelantikan semula anggota Suruhanjaya;
- e) Subseksyen 12(2) Akta 597 melarang SUHAKAM daripada menyiasat sebarang aduan berhubung apa-apa tuduhan atau dakwaan pelanggaran hak asasi manusia apabila ianya menjadi perkara undang-undang di mahkamah, contohnya insiden tembakan di Batu Buruk; dan
- (f) SUHAKAM tidak mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti hak asasi manusia antarabangsa di bawah anjuran Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa Bangsa Bersatu.

Kerajaan kurang bersetuju dengan pemerhatian ICC yang beranggapan bahawa proses pelantikan anggota Suruhanjaya adalah tidak telus. Ini kerana Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] memperuntukkan dengan jelas bahawa anggota-anggota Suruhanjaya hendaklah dilantik daripada kalangan tokoh terkenal. Walaupun perkara ini tidak diperincikan dalam Akta, pemilihan Anggota Suruhanjaya adalah di kalangan tokoh yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam hal kemasyarakatan seperti YBhg Professor Tan Sri Khoo Kay

Kim, YBhg Dato' Dr. Michael Yeoh Onn Kheng dan YBhg Dato' Siva Subramaniam a/l Nagaratnam.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga kurang bersetuju dengan pemerhatian ICC yang beranggapan tiada jaminan diberikan dalam memegang jawatan sebagai anggota Suruhanjaya berikutan tempoh terhad dua tahun yang telah ditetapkan. Kerajaan berpendapat pelantikan anggota Suruhanjaya SUHAKAM di Malaysia boleh dan pernah dilanjutkan tempohnya melebihi 3 penggal perkhidmatan berdasarkan prestasi kerja masing-masing. Contohnya pelantikan YBhg Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun, Prof. Chiam Heng Keng dan Dr. Mohammad Hirman Ritom bin Abdullah yang telah dilanjutkan melebihi 3 penggal iaitu bagi tempoh 6 tahun.

Kerajaan berpendapat bahawa alasan-alasan yang dikemukakan oleh ICC terhadap penurunan status SUHAKAM dari "A" bukan di atas sebab Malaysia gagal memperjuangkan hak asasi manusia sejagat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ICC hanya merupakan satu badan perwakilan hak asasi manusia yang ditubuhkan untuk tujuan memperkukuhkan institusi hak asasi kebangsaan sejajar dengan Prinsip-Prinsip Paris. ICC terdiri daripada 4 "*regional groupings*" iaitu daripada Africa, America Asia Pasifik dan Eropah. Setiap *regional grouping*

diwakili oleh 4 negara yang diberikan status “A”. Sekiranya SUHAKAM diturunkan dari status “A”, Malaysia akan hilang kelayakan untuk terlibat secara aktif dalam UN Human Rights Council dan hanya akan diberikan taraf “pemerhati” dalam mesyuarat tersebut.

Kesimpulannya, Kerajaan sememangnya memberikan perhatian serius dalam mempertahankan status SUHAKAM dan perkara ini sedang dikaji dengan terperinci.

Sekian, terima kasih.

NO: 29

SJ.B/(98)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. HIEW KING CHEU
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.08 SOALAN NO: 29

Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bahagian setiap tahun diberi kepada Negeri Sabah ke atas royalti PETRONAS semasa royalti tersebut diumumkan berjumlah RM4.8 bilion. Apakah cara pembayarannya ke Sabah bagi tahun 2000 hingga 2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, PETRONAS telah mengumumkan pembayaran royalti minyak mentah dan gas kepada Kerajaan-kerajaan Negeri berjumlah RM4.8 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM444 juta adalah royalti minyak mentah dan gas bagi Kerajaan Negeri Sabah.

2. Pembayaran royalti minyak mentah dan gas dilaksanakan berdasarkan Perjanjian di antara Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Sabah dan PETRONAS di bawah Seksyen 4, Akta

Pembangunan Petroleum 1974. Mengikut perjanjian berkenaan, PETRONAS perlu membuat pembayaran royalti minyak mentah dan gas secara tunai dua (2) kali setahun. Pembayaran royalti bagi pengeluaran minyak mentah dan gas pada setengah tahun pertama perlu dibuat sebelum atau pada 1 September tahun tersebut manakala pembayaran royalti bagi pengeluaran minyak mentah dan gas pada setengah tahun kedua pula perlu dilakukan sebelum atau pada 1 Mac tahun berikutnya. Syarat-syarat perjanjian tersebut sentiasa dipatuhi oleh PETRONAS.

3. Bagi negeri Sabah, pembayaran royalti minyak mentah dan gas bagi tahun 2000 hingga 2007 telah dibuat oleh PETRONAS kepada Bendahari Negeri Sabah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Cara pembayaran ini masih diguna pakai sehingga kini.

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2008

SOALAN : Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapakah lesen bot dan lesen menangkap ikan dan udang yang telah dikeluarkan kepada nelayan-nelayan di kawasan Pantai Remis dan Panchor di negeri Perak dan kenapa lesen menangkap ikan dan bot baru sekarang telah dibekukan. Adakah Kerajaan berhasrat mengeluarkan lesen-lesen baru mengikut keperluan sekarang.

Jawapan

Bilangan lesen yang dikeluarkan kepada nelayan-nelayan di kawasan Pantai remis pada Tahun 2007 adalah 381 yang terdiri daripada 156 di Zon A, 218 di Zon B, 6 di Zon C dan 3 di Zon C2 manakala di kawasan Panchor jumlah lesen yang dikeluarkan adalah 374 yang terdiri daripada 76 di Zon A, 145 di Zon B, 128 di Zon C dan 25 di Zon C2.

Berdasarkan perbandingan kajian saintifik pada tahun 1971 dan 1981, sumber perikanan didapati mengalami kemerosotan sebanyak 1.13 tan metrik per kilometer persegi, maka Kerajaan telah mengambil tindakan untuk membekukan pengeluaran lesen bagi semua jenis peralatan menangkap ikan termasuk pukak tunda, pukak jerut, sampen dan peralatan tradisional perikanan sejak 1982. Oleh yang demikian jabatan pada masa kini tidak berhasrat untuk mengeluarkan lesen-lesen baru.

NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN CHONG ENG
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : NO. 31

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk mengatasi masalah kos-kos buku Pengajian Tinggi yang membebankan ramai pelajar Universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kos buku yang tinggi termasuklah:-

- i. Kerajaan melalui Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) bekerjasama dengan penerbit-penerbit luar negara untuk mencetak buku-buku akademik di negara ini;
- ii. Mewujudkan anugerah-anugerah penulisan seperti Kategori Anugerah Penerbitan Buku dalam Anugerah Akademik Negara

dan Anugerah MAPIM bagi menggalakkan penulisan buku oleh pensyarah-pensyarah;

- iii. Menggalakkan penerbit IPTA menerbitkan buku-buku ilmiah secara aktif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
TARIKH : 19 NOVEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : NO. 32

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan secara purata peratus Pensyarah lulusan PhD di IPTA mengikut fakulti-fakulti yang ada.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2008, seramai **6,438 (26.27%)** staf akademik di 20 buah IPTA yang merangkumi tutor, guru bahasa, fellow, jurutera pengajar, Pensyarah, Profesor Madya dan Profesor mempunyai kelulusan tertinggi PhD.

Universiti yang berstatus universiti penyelidikan iaitu Universiti Malaya (UM) mempunyai peratusan tertinggi staff akademik berkelulusan PhD iaitu 59.59%, diikuti dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dengan 53.63%, Universiti Putra Malaysia (UPM) 44.43% dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan 33.89%. Manakala universiti yang baru dinaik taraf daripada status Kolej Universiti seperti Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti

Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pula mempunyai peratusan staf akademik yang berkelulusan PhD lebih rendah dengan purata 5.55%.